



Submission: 15/02/2022 Accepted: 09/06/2022 Published: 29/09/2022
DOI: 10.33102/abqari.vol27no1.520

**IMPAK PERKAHWINAN KANAK-KANAK TERHADAP
PEMBERDAYAAN WANITA DAN PENDEKATAN ISLAM
DALAM MENANGANINYA***

*Child Marriage's Impacts on Women's Empowerment and
Islamic Approaches to Resolving It*

Muhammad Al-Ghazalli Abdol Malek^a & Mohd Al Adib Samuri^{ab}

^a Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

^b Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

alghazalli91@gmail.com

Abstract

Some religious scholars justify child marriage which is allowed in Islam based on the marriage between Prophet Muhammad and Lady Aishah. A major agenda in its global eradication demands is to eradicate child marriage since child marriage is considered a violation of children's rights today. International conventions such as the Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) seek to curb this marriage by setting a marriage age limit, while the Convention on the Rights of the Child (CRC) emphasizes the importance of prioritizing the rights of the child and preserving them from any harm. However, child marriage is still commonplace, to the extent that the international community is pushing for legal reforms to end it. This article uses a qualitative approach through a literature review by analysing primary and secondary sources, as well as journal articles related to children's rights. Several studies have shown a number of negative effects associated with child marriage, including sexual exploitation, abuse of educational rights, mental health risks, and domestic violence. The study illustrates the current context of child marriage today in enlightening society and urging stakeholders to take action in order to achieve their objective of women's empowerment through the Siyasa al-Shar'iyya framework.

*Kertas kerja ini dibentangkan semasa 'Seminar Antarabangsa Ilmu Wahyu dan Turath Kali ke-4 (SIWAT-4)' pada 03 November 2021, anjuran Pusat Kajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Keywords: advocacy, child marriage, child rights, maslaha, women’s empowerment

Abstrak

Sesetengah agamawan menjustifikasi perkahwinan kanak-kanak yang diharuskan dalam Islam berdasarkan perkahwinan antara Rasulullah SAW dan Aishah RA. Pada masa kini, perkahwinan kanak-kanak dianggap sebagai pelanggaran hak kanak-kanak dan menjadi agenda utama dalam tuntutan pembasmiaannya di peringkat global. Konvensyen antarabangsa seperti *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)* berusaha untuk membendung perkahwinan ini melalui penetapan had umur perkahwinan, manakala *Convention on the Rights of the Child (CRC)* pula menegaskan tentang kepentingan mengutamakan hak kanak-kanak dan memelihara kepentingan diri mereka daripada sebarang kemudaratan. Walau bagaimanapun, perkahwinan kanak-kanak masih diamalkan pada hari ini sehingga komuniti antarabangsa menggesa untuk melaksanakan pembaharuan undang-undang bagi membendung amalan ini. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan dengan menganalisis dokumen primer dan sekunder, serta penulisan artikel jurnal berkaitan hak kanak-kanak. Kajian mendapati perkahwinan kanak-kanak memudaratkan diri kanak-kanak seperti eksploitasi seksual, pengabaian hak pendidikan, risiko kesihatan mental serta keganasan rumah tangga. Kajian ini memberi pencerahan kepada masyarakat untuk memahami konteks perkahwinan kanak-kanak masa kini, dan menggesa pemegang taruh untuk menjayakan agenda pembendungannya menerusi kerangka *Siyasah al-Shar’iyyah* bagi merealisasikan hasrat memperkasakan pemberdayaan wanita.

Kata kunci: advokasi, hak kanak-kanak, kemudaratan, perkahwinan kanak-kanak, pemberdayaan wanita

PENDAHULUAN

Dalam sistem perundangan di Malaysia, kanak-kanak ditakrifkan sebagai individu di bawah umur 18 tahun (Akta Kanak-kanak 2001; Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976; Akta Umur Dewasa 1971), yang memerlukan jagaan, pemeliharaan, perlindungan, dan pemuliharaan. Usia 18 tahun ini telah ditetapkan oleh standard antarabangsa dan diterima dalam kebanyakan sistem perundangan di seluruh dunia, termasuklah Malaysia, bagi membezakan umur kanak-kanak dan orang dewasa. Menerusi garis umur tersebut, perkahwinan yang dimeterai oleh individu berumur 18 tahun ke bawah dengan pasangannya dilabel sebagai perkahwinan kanak-kanak, seperti yang didefinisikan oleh pertubuhan antarabangsa, *United Nations Children’s Fund (UNICEF)* iaitu ‘perkahwinan kanak-kanak’ ialah sebuah perkahwinan rasmi atau tidak rasmi, antara kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dengan orang dewasa, atau kanak-kanak lain.

Justeru, proses permohonannya juga adalah tidak sama sebagaimana pemohon yang berusia melebihi 18 tahun, dan perlu melalui beberapa prosedur tertentu.

Kajian UNICEF (2021) merekodkan lebih daripada 100 juta kanak-kanak perempuan dijangka berkahwin sebelum ulang tahun ke-18 mereka pada dekad berikutnya, sebelum wabak COVID-19 melanda. Terkini, UNICEF Data (2021) menyatakan sebanyak 12 juta kanak-kanak perempuan yang berkahwin dalam purata tahunan, dan sekiranya kesedaran untuk membendungnya tidak dilaksanakan dengan lancar, lebih 150 juta kanak-kanak perempuan tambahan yang akan berkahwin menjelang tahun 2030 kelak. Statistik di Malaysia pula menunjukkan purata sebanyak 1,500 kanak-kanak berkahwin pada setiap tahun, sehingga tahun 2018 (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)). Lebih membimbangkan, peratusan perkahwinan kanak-kanak Muslim adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 83 peratus berbanding kanak-kanak dari kaum-kaum lain di Malaysia yang hanya melibatkan 17 peratus sahaja. Data yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada tahun 2018 juga menggambarkan situasi yang lebih spesifik apabila sejumlah 5,362 kes perkahwinan kanak-kanak Muslim seluruh Malaysia telah didaftarkan sejak Januari 2013 sehingga Disember 2017 (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 2018). Angka ini menandakan situasi perkahwinan kanak-kanak di Malaysia mengalami kadar yang serius dan perlu kepada agen pembendungan bagi melindungi kanak-kanak daripada sebarang bentuk kemudaratan, termasuklah perkahwinan kanak-kanak. Hal ini kerana kebanyakan perkahwinan kanak-kanak pada hari ini membabitkan isu eksploitasi seksual, pengabaian hak kesihatan seksual dan reproduktif, dan pendidikan mereka (Mohd Awal & Samuri 2017).

Di peringkat antarabangsa, perkahwinan kanak-kanak dianggap sebagai sebuah pelanggaran hak kanak-kanak (Nguyen & Wodon 2015; UNICEF Data 2021; Samuri et al. 2022), sekali gus bertentangan dengan tuntutan yang digariskan oleh Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak atau *Convention on the Rights of the Child* (CRC), sebuah konvensyen antarabangsa yang bermatlamat untuk memberi tumpuan terhadap kepentingan terbaik kanak-kanak seperti kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak. Sehubungan itu, Malaysia yang telah meratifikasi konvensyen antarabangsa tersebut pada tahun 1995, adalah bertanggungjawab sebagai Negara Pihak (*State Party*) untuk memastikan kepentingan terbaik kanak-kanak diberikan keutamaan dalam seluruh aspek (Mohd Awal & Samuri 2017).

Pada hari ini, literatur antarabangsa dan dapatan kajian akademik yang konsisten telah menemukan pelbagai impak negatif perkahwinan kanak-kanak yang membawa kesan buruk terhadap diri kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak perempuan (Raj et

al. 2014, Karam 2015, Tomkins et al. 2015; Walker 2015; Mohd Awal & Samuri 2017). Malangnya, amalan ini masih berlaku sehingga ke hari ini menjangkau agama, budaya, etnik, komuniti dan geografi di seluruh dunia, termasuklah Malaysia (UNICEF Malaysia 2020; Samuri 2021). Hak kanak-kanak kebanyakannya dieksploitasi, dan sekiranya perkara ini tidak dibendung, dikhawatiri akan merisikokan produktiviti negara dan kadar populasi dunia meningkat tanpa pengawalan yang sewajarnya. Lantas, kerisauan amalan ini menjadi polemik global sehingga membawa suara antarabangsa untuk menjayakan agenda pembendungan amalan ini daripada berterusan, demi memastikan hak kanak-kanak tidak dimanipulasi melalui perkahwinan pada usia muda.

Agenda pembendungan perkahwinan kanak-kanak menjadi perdebatan di arus perdana di Malaysia pada tahun 2018 apabila diperdebatkan dalam sidang Parlimen. Isu perkahwinan kanak-kanak ini dipandang serius di peringkat nasional berdasarkan kepada impak negatif yang mengatasi kemaslahatan kanak-kanak. Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan dan komuniti antarabangsa seperti UNICEF dan *World Health Organization* (WHO) mencadangkan pembaharuan undang-undang dan penyampaian pendidikan kepada masyarakat bagi membendung amalan ini melalui penetapan had umur perkahwinan (Berita Harian 2018a). Fokus ketika itu ialah untuk menaikkan had umur perkahwinan kepada 18 tahun bagi kedua-dua gender, terutamanya bagi individu Muslim dan pemakaian tatacara khusus atau *standard operating procedure* (SOP) bagi memastikan hakim syarie mempertimbangkan proses permohonan perkahwinan bawah umur 18 tahun di Mahkamah Syariah dengan telus (Samuri et al. 2022).

Walaupun isu perkahwinan kanak-kanak menjadi perbincangan umum berdasarkan tahap risikonya kepada kanak-kanak, sesetengah agamawan mempunyai reaksi yang berbeza terhadap usaha pembendungan perkahwinan kanak-kanak yang diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan, iaitu kenaikan had umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun (Harian Metro 2018). Bagi agamawan yang tidak bersetuju, mereka berpandangan tindakan sedemikian adalah bertentangan dengan agama, kerana seolah-olah menyekat keperluan berkahwin kepada kanak-kanak dan perkahwinan dianggap sebagai jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah moral dalam kalangan remaja (Berita Harian 2018b). Perspektif kelompok agamawan sebegini menggambarkan mereka berkemungkinan kurang memahami realiti isu perkahwinan kanak-kanak pada masa kini dan keseriusan mengenai impak negatif yang menjejaskan diri kanak-kanak apabila berkahwin awal (Samuri 2021).

Justeru, artikel ini akan membincangkan kedudukan perkahwinan kanak-kanak dari perspektif wacana global, impak negatif perkahwinan kanak-kanak terhadap

pemberdayaan wanita, reaksi agamawan terhadap kedudukan perkahwinan kanak-kanak menurut konteks semasa, serta pendekatan Islam dalam menanganinya.

WACANA GLOBAL

Masyarakat tradisional lebih menerima amalan perkahwinan kanak-kanak melalui kepercayaan patriarki yang menebal dalam kalangan mereka (Yuksel-Kaptanoglu et al. 2014). Kepercayaan ini memandu mereka untuk terus mempertahankan pegangan bahawa golongan lelaki adalah lebih layak untuk diutamakan dalam prospek kerjaya dan masa depan. Manakala, golongan wanita dianggap tidak layak untuk diberi keutamaan hak sosial, dan sering dilihat untuk menjadi suri rumah meskipun pada usia yang muda, dan tidak wajar diberikan peluang kehidupan yang sama, sebagaimana yang diperolehi oleh golongan lelaki. Malah, hak golongan wanita sering ditindas dan tidak diberi peluang untuk penyertaan awam dan menyatakan pendirian secara adil, kerana sering tertindas dengan birokrasi masyarakat. Oleh sebab itu, konvensyen antarabangsa seperti *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) menggesa negara-negara yang menandatangani konvensyen ini untuk memerangi konflik diskriminasi terhadap golongan wanita.

Tafsiran keagamaan yang dipegang oleh sesetengah masyarakat tradisional juga menyumbang kepada kelaziman amalan ini, yang menganggap perkahwinan kanak-kanak sebagai sesuatu yang dibenarkan atau digalakkan dalam agama dan menjaga moral masyarakat (Yuksel-Kaptanoglu et al. 2014; Karam 2015; Gemignani & Wodon 2015; Grijns & Horii 2018; Samuri 2021), serta dianggap tiada pertentangan dalam teks agama mereka. Tafsiran keagamaan ini juga seringkali berangkai dengan sistem masyarakat setempat atau adat yang telah diamalkan oleh pelbagai etnik dan kaum di seluruh dunia sejak berkurun lamanya. Grijns & Horii (2018) berpendapat, sesetengah agamawan yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak adalah mereka yang menentang usaha pembaharuan undang-undang di negara Islam.

Naratif antarabangsa sering membawakan literatur tentang faktor pendorong kepada perkahwinan kanak-kanak yang berpunca daripada rangkaian kemiskinan, kekurangan sumber ilmu kesihatan seksual dan reproduktif, akses pendidikan yang rendah, peruntukan undang-undang yang membenarkan perkahwinan kanak-kanak, budaya sosial yang mempermudah amalan ini, ketirisan informasi dan bimbingan kepada ibu bapa untuk memberi sokongan kepada anak dan kekurangan status undang-undang dan hak kepada rakyat yang tanpa dokumen, tiada kewarganegaraan, pelarian dan pencarian suaka (UNICEF 2020).

Hakikatnya pada hari ini, perkahwinan kanak-kanak memberi impak negatif dan kemudaratan berganda dalam perkembangan diri kanak-kanak. Antara kesan buruk

yang dialami kanak-kanak adalah hak pendidikan yang terabai, kesihatan mental dan fizikal yang terjejas, aspek sosial dan ekonomi yang merosot, risiko keganasan dan penderaan rumah tangga. Bagi membendung masalah ini, isu diskriminasi gender merupakan komponen yang turut diperjuangkan dalam Matlamat Pembangunan Lestari 2030 atau *Sustainable Development Goals* (SDG) 2030. Isu perkahwinan kanak-kanak turut dibawa oleh suara global dalam pelan antarabangsa ini menerusi beberapa matlamat yang digariskan dalam SDG 2030, bagi mengakhiri tradisi yang dominan sejak dahulu, yang tidak lagi sesuai untuk diamalkan menurut konteks semasa (Samuri et al. 2022). Lapan matlamat SDG 2030 yang seiringan dengan agenda tersebut ialah ‘Kemiskinan’ (Matlamat Pertama), ‘Keselamatan makanan’ (Matlamat Kedua), ‘Kesihatan’ (Matlamat Ketiga), ‘Pendidikan’ (Matlamat Keempat), ‘Kesetaraan gender’ (Matlamat Kelima), ‘Tumbesaran ekonomi’ (Matlamat Kelapan), ‘Pengurangan Ketidakesetaraan’ (Matlamat Ke-10) dan ‘Keamanan, keadilan dan institusi yang kukuh’ (Matlamat ke-16).

Perkembangan tamadun manusia sejak beberapa kurun kebelakangan ini telah memberi nafas baharu kepada golongan wanita untuk mencapai status kemajuan diri, malah keupayaan mereka turut diakui untuk diposisikan dalam pentadbiran negara yang sebelum ini didominasi oleh golongan lelaki. Sejajar dengan kandungan Artikel 24(3) CRC untuk mengambil langkah-langkah berkesan bagi menghapuskan amalan tradisional yang memudaratkan kanak-kanak, agenda pembendungan perkahwinan kanak-kanak adalah terpakai melalui pelaksanaan SDG 2030 tersebut. Islam sendiri menitikberatkan keperluan untuk memberikan hak kepada golongan wanita yang bermatlamat untuk melindungi kehormatannya, hak-haknya dan mencapai kedudukan yang sewajarnya (Sahid et al. 2020). Maka, menjadi keutamaan penganutnya untuk memenuhi tujuan (*maqasid*) tersebut dengan tidak mendiskriminasi golongan kanak-kanak perempuan dan wanita melalui amalan perkahwinan kanak-kanak ini.

Sehubungan itu, usaha komuniti antarabangsa dalam membendung perkahwinan kanak-kanak adalah dengan menggesa Malaysia untuk memenuhi tuntutan tersebut, sebagai suatu simbolik solidariti bagi memelihara hak kanak-kanak perempuan. Hakikatnya, kedudukan perkahwinan kanak-kanak pada hari ini semakin hilang daripada radar kemaslahatan dan kepentingan terbaik diri kanak-kanak. Lebih membimbangkan, perkahwinan hanya dijadikan sebagai jalan keluar bagi isu eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak perempuan.

IMPAK PERKAHWINAN KANAK-KANAK TERHADAP PEMBERDAYAAN WANITA

Wanita dan kanak-kanak perempuan tergolong dalam kelompok rentan (*vulnerable*), yang dominan sebagai mangsa pelanggaran hak asasi manusia. Kebajikan diri kanak-kanak perempuan wajar dilindungi sedari mereka kecil, supaya mereka mampu membesar sebagai seorang wanita yang berdaya saing dan bebas dari sebarang bentuk diskriminasi. Perlu diakui, perkahwinan kanak-kanak pada hari ini kebanyakannya menjejaskan diri mereka daripada mencapai pemberdayaan wanita yang sewajarnya. Berikut ialah perbincangan mengenai impak perkahwinan kanak-kanak terhadap pemberdayaan wanita dalam pelbagai aspek.

a. Impak terhadap Kesihatan Seksual dan Reproduksi

Kesihatan seksual dan reproduktif merupakan aspek utama yang wajar diberi perhatian kerana perkahwinan pada usia muda merisikokan fizikal kanak-kanak itu sendiri. Kajian Ame (2013) dan Anozie et al. (2018) menyatakan kanak-kanak yang berkahwin adalah sukar untuk mendapatkan akses pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif. Literasi mereka terhadap ilmu tersebut agak terhad disebabkan pasangan mereka tidak mengendahkan keperluan pendidikan tersebut. Mereka juga tidak mempunyai sumber pendapatan untuk mendapatkan rawatan kesihatan kerana ketidakmampuan untuk membayar bil kesihatan (Nasrullah 2015). Meskipun di beberapa negara menyediakan perkhidmatan kesihatan secara percuma kepada rakyatnya, namun kekangan jumlah staf kesihatan menggagalkan kanak-kanak daripada mendapatkan rawatan secukupnya.

Kanak-kanak di negara-negara membangun lebih berisiko untuk menghadapi komplikasi kesihatan ketika proses kehamilan (Avalos et al. 2015). Bagi sesetengah kes, kanak-kanak dipaksa untuk bersalin secara tradisional di rumah, mengakibatkan lokaliti mereka diragui kebersihannya (Nasrullah 2015). Kajian oleh Nour (2006), Raj (2010), Ahmed (2015) dan Anozie et al. (2018) menunjukkan mereka lebih berpotensi untuk menanggung parut secara kekal disebabkan kesukaran semasa bersalin (Bahgam & Mukhatari 2004), dan sesetengah mereka berisiko menghadapi Obstetrik Fistula di lokasi yang tidak mempunyai kemudahan kesihatan yang mencukupi, akibat daripada tempoh kehamilan berpanjangan (*prolonged/obstructed labour*) (Nour 2006). Kajian Nour (2006), Raj (2010), Naveed & Butt (2015), Nasrullah (2015), Parsons et al. (2015), Allen & Adekola (2017), Mohd Awal & Samuri (2017) dan Anozie et al. (2018) merumuskan kanak-kanak sukar untuk membuat keputusan bagi perancangan kelahiran, mengakibatkan kesuburan berpanjangan dan dikhuatiri menjejaskan sistem kehamilan kanak-kanak tersebut seperti jarak kelahiran yang pendek, kadar berat bayi yang rendah, kekurangan zat makanan dan risiko kematian kepada ibu dan bayi.

Nour (2006), Raj (2010), Avalos et al. (2015), Parsons et al. (2015), Petroni et al. (2017), Mohd Awal & Samuri (2017) dan Anozie et al. (2018) berpendapat bahawa perkahwinan kanak-kanak mampu meningkatkan risiko jangkitan penyakit alat kelamin seperti *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) dan *Sexually Transmitted Diseases* (STI). Penyakit ini adalah kelaziman bagi kanak-kanak yang berkahwin awal, dan mereka lebih mudah terdedah kepada hubungan intim yang tidak dilindungi dengan baik, seperti ketirisan penggunaan alat kontraseptif, akibat kurang ilmu terhadap cara mengawal hubungan kelamin yang tepat (Nasrullah 2015; Naveed & Butt 2015; Parsons et al. 2015). Selain itu, Avalos et al. (2015) berpandangan bahawa kanak-kanak tidak diberi pilihan untuk bernegosiasi bagi menentukan keputusan untuk merancang kehamilan bersama pasangan masing-masing. Bahkan, tugas sebagai suri rumah yang berganda menyebabkan kanak-kanak tidak berupaya sepenuhnya untuk menggalas tanggungjawab dalam tempoh yang lama, sekali gus memberi kesan kepada tumbesaran tubuh badan dan fizikal mereka (Bahgam & Mukhatari 2004).

b. Impak terhadap Kesihatan Mental dan Psikologi

Kanak-kanak perempuan terdedah kepada kemurungan teruk disebabkan perbezaan umur yang jauh di antara mereka dengan pasangan lelaki berusia, menyebabkan kemerosotan kepada taraf kesihatan mereka (Ahmed 2015). Ame (2013) dan Faudzi et al. (2021) pula menyifatkan kanak-kanak akan mengalami tekanan berganda ekoran keterpaksaan untuk menanggung beban kehamilan, dan dihantui keresahan akibat kebimbangan dengan risiko penyakit alat kelamin. Raj (2010) yang berpandangan perkahwinan kanak-kanak banyak terjadi disebabkan aturan keluarga, melihat perkahwinan kanak-kanak sebagai sebuah kahwin paksaan. Dalam situasi tertentu, kanak-kanak terpaksa mengharungi risiko keganasan daripada pasangan dan keluarga mentua mereka, yang memudaratkan kognitif kanak-kanak, serta menjejaskan tugas mereka sebagai suri rumah (Bahgam & Mukhatari 2004).

Disebabkan tanggungan dan beban tersebut, kanak-kanak perempuan akan mudah terpengaruh dengan keresahan, lemah keyakinan diri, kemurungan dan ketidakseimbangan mental, malah yang lebih membimbangkan, mereka berisiko untuk terjebak dengan cubaan membunuh diri (Parsons et al. 2015; Asli & Byouki 2016; Anozie et al. 2018; Samuri 2021). Proses kehamilan yang tidak normal juga akan menjadikan kanak-kanak lebih trauma, malah kesan daripada kelahiran bayi secara pembedahan (*caesarean*) secara berulang akan memberi tekanan melampau kepada mereka kerana kesan kesakitan daripada pembedahan tersebut (Bahgam & Mukhatari 2004). Selain itu, aspek kesihatan mental juga terkait dapat dengan isu rumah tangga apabila mereka sering menghadapi pertengkaran dalam keluarga disebabkan masalah kewangan selepas berkahwin. Perkara ini berkemungkinan berpunca disebabkan kebergantungan mereka sepenuhnya kepada ibu bapa, dan

akhirnya akan menambah tekanan kepada kanak-kanak (Naveed & Butt 2015). Akibatnya, kanak-kanak tidak dapat berfikir dengan rasional sehingga menyebabkan diri mereka menjadi tidak terurus.

Walaupun pada asalnya kanak-kanak berkahwin dengan janji akan dijaga oleh pasangan, penyelidik seperti Faudzi et al. (2021) berpandangan bahawa remaja yang sudah mengandung ini akan terdedah dengan cabaran untuk membesarkan anaknya secara sendirian di rumah, memandangkan suaminya perlu memberi komitmen sepenuhnya untuk bekerja. Kitaran tekanan yang dihadapi oleh ibu muda tersebut akan mempengaruhi kesihatan bayi yang bakal dilahirkan. Apa yang dikhuatiri ialah sekiranya kanak-kanak yang berkahwin muda itu tidak mendapat sokongan daripada pasangan, keluarga dan komuniti, besar kemungkinan bayi kanak-kanak tersebut akan membesar dengan persekitaran yang tidak sihat.

c. Impak terhadap Hak Pendidikan

Kanak-kanak yang berkahwin awal akan mengalami keciciran pendidikan, terutamanya di peringkat menengah persekolahan. Literatur akademik seperti Ame (2013), Petroni et al. (2017) dan Kohno et al. (2019) memaparkan kanak-kanak yang mengalami keciciran pendidikan akan hilang peluang untuk meraih keupayaan bagi mendapatkan bahagian kehidupan yang lebih baik, sekali gus mengehadkan peluang terhadap interaksi sosial yang lebih lancar. Anozie et al. (2018) juga menyuarakan pandangan yang sama bahawa kitaran mengandung kanak-kanak akan terus berlaku, secara tidak langsung menafikan peluang mereka untuk menyambung pelajaran mereka di sekolah. Namun, sekiranya kanak-kanak masih bertegas untuk ke sekolah, mereka berisiko untuk mendapat penderaan dari pasangan dan keluarga mentuanya (Bahgam & Mukhatari 2004). Kesannya, pemberdayaan diri mereka akan turut terjejas sehingga merosakkan peluang mereka menempatkan diri dalam pasaran kerjaya, yang akhirnya melemahkan status sosial mereka. Sehubungan itu, sumbangan mereka kepada masyarakat adalah terhad, akibat diri mereka yang dibiasakan dengan sekatan kebebasan sepanjang alam perkahwinan (Ame 2013; Anozie et al. 2018).

Bahgam & Mukhatari (2004) dalam kajian mereka menunjukkan terdapat pihak sekolah yang tidak memberi sokongan kepada kanak-kanak perempuan yang berkahwin awal, kerana bimbang kehadiran mereka akan memberi impak kepada kanak-kanak lain. Pengasingan tersebut menyebabkan mereka terpisah daripada rangkaian sosial dan struktur sokongan yang ditawarkan di sekolah mereka (Parsons et al. 2015), dan secara tidak langsung, akses mereka terhadap pendidikan seksual dan reproduktif mengalami kesukaran. Perkahwinan kanak-kanak jelas membuktikan peluang pendidikan kanak-kanak terhalang, sekali gus menghakis prioriti mereka untuk memperoleh ilmu pengetahuan (Mohd Awal & Samuri 2017).

d. Impak terhadap Aspek Sosial

Wanita merupakan kelompok masyarakat yang sering dikaitkan dengan isu diskriminasi sejak berkurun lamanya (Mohd Awal & Samuri 2017). Apabila kanak-kanak perempuan berkahwin, mereka akan turut menempuh pengalaman yang sama, kerana tanggapan masyarakat yang menganggap diri mereka sebagai golongan naif, yang tidak mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan sendiri (Ame 2013; Parsons et al. 2015; Allen & Adekola 2017), lantaran sering dipandang rendah oleh pasangan mereka yang lebih berusia. Semakin besar jurang perbezaan umur, semakin lemah autonomi kanak-kanak tersebut (Mohd Awal & Samuri 2017). Kesannya, mereka tidak mampu mendapatkan khidmat kesihatan yang baik apabila mereka sakit, disebabkan mereka perlu memohon keizinan pasangan mereka terlebih dahulu, dan kebanyakan pasangan tidak mempedulikan status kesihatan isteri mereka, malah lebih teruk, pasangan tidak membenarkannya (Ame 2013; Nasrullah 2015; Allen & Adekola 2017; Anozie et al. 2018).

Disebabkan keterbatasan tersebut, keupayaan daya tawar mereka adalah terbatas sehingga menyebabkan mereka tidak diberi peluang untuk bebas membuat sebarang pilihan dalam aspek kehidupannya (Nasrullah 2015; Parsons et al. 2015; Samuri 2021), dan sering dipandang rendah oleh pasangannya (Mohd Awal & Samuri 2017). Hal ini kerana mereka diasuh untuk mematuhi standard kehidupan yang telah ditentukan keluarga mentuanya dan perlu menghormati ketentuan tersebut secara total (Bahgam & Mukhatari 2004), menyebabkan kanak-kanak tersebut sukar untuk menawarkan sebarang keputusan dalam hal kekeluargaan.

Avalos et al. (2015) merumuskan, perkahwinan kanak-kanak merampas hak kanak-kanak untuk membesar dalam persekitaran sebagai seorang kanak-kanak, malah pergaulan dengan rakan sebaya mereka agak terhad, menyebabkan mereka sering mengalami kemurungan disebabkan perlu menggalas tanggungjawab untuk menjaga keperluan rumah dan pasangan, yang tidak sepatutnya dialami pada usia tersebut (Mohd Awal & Samuri 2017). Perkahwinan kanak-kanak diakui telah melenyapkan peluang kegembiraan mereka untuk bergaul bersama adik-beradik dan rakan sebaya mereka (Naveed & Butt 2015).

e. Impak Terhadap Aspek Ekonomi

Apabila kanak-kanak sudah dibebankan dengan tanggungjawab isteri dan ibu muda, sudah tentu mereka mengalami kesukaran untuk mencari pekerjaan. Sekiranya keadaan ini berterusan, belunggu rantaian kemiskinan akan mengitari hidup kanak-kanak perempuan untuk fasa kehidupan seterusnya (Allen & Adekola 2017; Anozie et al. 2018; Kohno et al. 2019). Mereka tiada sumber sendiri untuk kelangsungan hidup (Petroni et al. 2017) dan terpaksa bergantung sepenuhnya kepada nafkah yang disalurkan pasangan (Nasrullah 2015; Petroni et al. 2017). Kebergantungan ini

hakikatnya terbina daripada pematuhan kepada stigma masyarakat yang beranggapan bahawa kanak-kanak yang berkahwin awal kononnya menjamin aspek ekonomi mereka, walhal realitinya perbelanjaan mereka dikawal sepenuhnya oleh pasangan mereka.

Justeru, disebabkan akses kanak-kanak perempuan kepada pendidikan adalah terhad, mereka tidak mampu untuk menjana pendapatan dan tidak yakin untuk menceburkan diri dalam sebarang bentuk peluang yang boleh membantu status kewangan mereka. akibat sudah terbiasa dengan persekitaran pasangan dan keluarga mentua yang sering memandang rendah terhadap keupayaan kanak-kanak itu (Parsons et. al 2015). Secara tidak langsung, mereka terasing daripada penyertaan awam dan terpinggir daripada kebolehpayaan untuk mencari peluang pekerjaan.

f. Impak terhadap Kehidupan Rumah Tangga

Perkahwinan kanak-kanak juga terkait dengan jurang usia yang jauh antara kanak-kanak perempuan dengan pasangan, ketidakseimbangan kuasa dan pilihan antara kanak-kanak dan pasangan, kekurangan autonomi wanita dan pengasingan sosial yang membawa kepada risiko keganasan rumah tangga (Samuri 2021). Menurut Mohd Awal & Samuri (2017), kanak-kanak perempuan yang berkahwin tidak bersedia untuk menjalankan tugas sebagai suri rumah kerana tanggungjawab tersebut dirasakan janggal. Disebabkan kanak-kanak tidak matang sebagaimana orang dewasa mampu berfikir secara rasional, mereka mudah terdedah kepada konfrontasi dalam hubungan rumah tangga. Pasangan berusia akan mengambil kesempatan atas kenaifan mereka dengan mendera mereka (Asli & Byouki 2016), lebih-lebih lagi pasangan yang jauh beza umurnya kerana mereka memandang isteri muda sebagai individu yang mudah untuk dikawal dan menjadi objek melepaskan kemarahan.

Fizikal kanak-kanak yang masih mentah itu juga menyebabkan mereka sering terdedah dengan risiko eksploitasi seksual (Nasrullah 2015) dan keluarga mentua mereka (Parsons et al 2015). Hal ini berkemungkinan terjadi apabila kehendak seksual tidak dipenuhi kanak-kanak semasa hubungan intim (Mohd Awal & Samuri 2017), kerana pasangan tidak mengambil endah kitaran haid dan kawalan hubungan intim yang sepatutnya. Kesannya, kanak-kanak akan mudah jatuh sakit dan tidak berupaya untuk menjalani kehidupan normal. Walau bagaimanapun, kanak-kanak ini terpaksa bertoleransi dengan keganasan tersebut, disebabkan ingin menutup aib keluarga bagi mengelakkan isu keganasan tersebut dibawa dalam mahkamah.

Sekiranya kanak-kanak melarikan diri dari rumah pasangan akibat didera, mereka tidak mempunyai tempat bergantung lain kerana keluarga kanak-kanak itu sendiri tidak akan menerimanya kembali untuk membantu dan memberikan sokongan

(Naveed & Butt 2015). Atas persepsi ini yang menebal dalam diri mereka, mereka memilih untuk kekal bersama dengan pasangan masing-masing meskipun hidup dalam kondisi perhambaan. Kanak-kanak yang sering disakiti pasangan mereka ini hanya didoktrin untuk mempercayai tindakan keganasan tersebut sebagai sebuah perkara normal dalam perhubungan (Ame 2013), walaupun hakikatnya ia menjejaskan fizikal dan mental kanak-kanak tersebut. Kanak-kanak lebih rela menjadi objek untuk dikasari (Bahgam & Mukhatari 2004), dan yang lebih membimbangkan, kanak-kanak yang sering bertengkar dengan pasangan berisiko untuk diceraikan oleh pasangan mereka (Naveed & Butt 2015; Avalos et al. 2015; Mohd Awal & Samuri 2017).

Keseluruhan bentuk kemudaratan yang dinyatakan ini memberi gambaran bahawa Islam tidak menyokong mana-mana amalan yang pada asalnya hukum berkahwin dengan kanak-kanak dibenarkan, namun jika tidak ditangani dengan baik, maka Islam menggesa untuk mencegahnya sebelum kemudaratan yang lebih teruk akan berlaku. Dalam perkara ini, adalah menjadi kewajipan kepada suami untuk berinteraksi terhadap isterinya dengan pergaulan yang baik, kerana suami atau pasangan seharusnya menjaga kebajikan isterinya, apatah lagi isterinya masih tidak matang sepenuhnya. Malah, Islam mengutamakan keperluan memenuhi hak seorang isteri melalui pemberian nafkah, saranan ke arah perlakuan yang baik dan tidak sesekali menjadi mangsa penindasan suami (Sahid et al. 2020). Adalah tidak adil golongan kanak-kanak yang menjadi isteri muda ini diperlakukan sedemikian rupa, bahkan lebih teruk lagi menjadi mangsa perceraian secara sewenang-wenangnya.

REAKSI AGAMAWAN TERHADAP KEDUDUKAN PERKAHWINAN KANAK-KANAK MENURUT KONTEKS SEMASA

Islam tidak mensyaratkan mana-mana tahap umur dalam kesahan sesebuah perkahwinan. Ulama berhujah bahawa perkahwinan dengan kanak-kanak dianggap sebagai sesuatu yang diharuskan, lantaran tiada teks agama yang melarang akan pelaksanaannya. Keharusan ini malah berdalilkan hadith yang merekodkan perkahwinan Rasulullah SAW dan Aishah RA, semasa Aishah RA masih berstatus kanak-kanak (al-Bukhari 2002; Muslim 2006). Selain itu, terdapat para sahabat yang turut berkahwin dengan kanak-kanak perempuan, dan juga mengahwinkan bayi perempuannya yang baru dilahirkan kepada anak lelaki sahabat lain (Ibn Abi Syaybah 1988). Perbahasan ulama klasik tentang tindakan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan sahabat ini menjadi dalil bagi sesetengah agamawan kontemporari untuk mempertahankan dan menjustifikasi perkahwinan kanak-kanak yang masih sesuai untuk dilaksanakan pada masa ini (Kohno et al. 2019).

Pendirian agamawan tradisionalis yang menerima perkahwinan kanak-kanak pada hari ini dapat dilihat menerusi pandangan yang dikemukakan oleh mantan Mufti

Besar Arab Saudi, ‘Abdul ‘Aziz Ibn Baz (t.th) dan sarjana Arab Saudi yang juga Ahli Majlis Fatwa negara itu, Saleh al-Fawzan (2011) dan al-‘Abbad (Al-Anba’ 2009). Bagi mereka, perkahwinan kanak-kanak dibenarkan dalam Islam, dan penetapan had umur perkahwinan adalah sesuatu yang bertentangan dengan hukum syarak. Segelintir agamawan di Malaysia juga menyuarakan hujah yang sama dan ditambah dengan pandangan kanak-kanak pada zaman hari ini lebih bersifat terbuka dengan pelbagai akses yang menjadikan mereka lebih matang dan bersedia untuk berkahwin. Mereka percaya, kanak-kanak yang mendiami kawasan pedalaman juga lebih berdikari bagi menanggung kehidupan keluarganya walaupun berusia bawah 18 tahun, serta tradisi di kawasan tersebut tidak menghalang perkahwinan dengan kanak-kanak untuk diteruskan. Kelompok agamawan ini juga khuatir dengan sekatan untuk berkahwin menerusi penetapan had umur kepada 18 tahun akan mengakibatkan kanak-kanak yang terdedah dengan aktiviti sosial akan mudah terjerumus dengan kancas maksiat dan berisiko untuk merosakkan struktur sosial masyarakat (Berita Harian 2018b).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa sarjana Muslim kontemporari yang menangkis amalan perkahwinan kanak-kanak ini dengan pendirian bahawa ia diakui masyhur dalam pengamalan bangsa tamadun terdahulu (Motzki 1996), namun mereka menganggap ia tidak lagi relevan untuk dilaksanakan menurut konteks semasa. Golongan sarjana yang berpandangan begini telah mengeluarkan pandangan ilmiah bahawa perkahwinan kanak-kanak berisiko menyumbang kemudaratan kepada kanak-kanak, yang akhirnya mengubah perspektif hukum asal perkahwinan yang membenarkan, kepada naratif baharu agama yang tidak menggalakkan, menerusi pemahaman dalil agama menurut konteks semasa, *Qawa'id Fiqh* dan kerangka *Siyasah al-Shar'iyah*. Pandangan mufti negara-negara Islam seperti ‘Ali Jumu’ah, mantan Mufti Besar Mesir (‘Ali Jumu’ah 2016), Nuh Ali Salman al-Qudah, Mufti Besar Jordan (al-Qudah 2012) dan Mohammed Hussain, Mufti Besar Palestin (AlJazeera.Net 2019) yang menolak perkahwinan kanak-kanak adalah antara mufti negara-negara Islam yang bersuara lantang untuk mempromosikan pembasmian amalan ini. Malah, institusi pematwaan dunia seperti Dar al-Iftaa’ Mesir (‘Allam 2019) dan Dar al-Iftaa’ Jordan (al-Qudah 2012) juga memfatwakan pengharaman perkahwinan kanak-kanak atas alasan yang sama. Di Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (JAKIM 2014) juga menegaskan bahawa perkahwinan kanak-kanak bukan perkara wajib atau sunat untuk diamalkan.

Adalah difahami bahawa kelompok sarjana yang berpandangan tidak membenarkan perkahwinan kanak-kanak ini mempunyai justifikasi yang lebih berkait dengan isu semasa kanak-kanak pada hari ini yang kebanyakannya mereka yang berkahwin muda terpalit dengan isu eksploitasi seksual. Justeru, pandangan agamawan

kontemporari ini wajar dijadikan sebagai advokasi kepada masyarakat bahawa pimpinan agama juga mengutamakan hak kanak-kanak mengatasi hukum asal perkahwinan itu sendiri.

PERBINCANGAN

Pendekatan Islam dalam Menangani Isu Perkahwinan Kanak-kanak

Bagi mencapai matlamat pembendungan ini, Kerajaan Persekutuan dan pemegang taruh di Malaysia berfungsi sebagai pemerintah yang mempunyai autoriti dalam memastikan kebajikan rakyatnya terjamin, selari dengan kerangka *Siyasah al-Shar‘iyyah*. Ibn ‘Uqayl berpandangan, kerangka tersebut adalah tindakan yang mendekati manusia kepada kebaikan dan menjauhi kejahatan, meskipun tidak pernah dilakukan Rasulullah SAW, termasuklah tindakan pemerintah dalam menjaga kebajikan rakyatnya (Ibn al-Qayyim 1995).

Hadith Abdullah Ibn Umar RA memaparkan tentang tanggungjawab seorang pemimpin untuk mempunyai sikap integriti dalam kepimpinannya seperti berikut:

“Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan disoal mengenai orang yang dipimpinnya, ...” (al-Bukhari 2002).

Tuntutan hadith ini bersesuaian dengan sebuah kaedah Fiqh yang menjadi sandaran kepada kewajipan seorang pemerintah untuk sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat semasa pentadbirannya dalam sesebuah negara, iaitu:

“Tindakan urus tadbir pemerintah ke atas rakyat adalah terikat dengan masalahah.”

Justeru, autoriti pemerintah untuk menetapkan had umur perkahwinan kepada 18 tahun bagi mematuhi konvensyen antarabangsa merupakan satu langkah bijaksana setelah mengambil kira pandangan agamawan dan institusi Islam di Malaysia bagi sesebuah penetapan yang mendatangkan masalahah kepada rakyat. Malah, tindakan yang mengguna pakai instrumen undang-undang tersebut bertujuan untuk mengelakkan kemudaratan perkahwinan daripada terus-menerus menjejaskan perkembangan diri dan hak kanak-kanak, sesuai dengan tuntutan hadith berikut:

“Tidak boleh menerima mudarat, dan tidak boleh memudaratkan.”
(Ibn Majah 1987)

Perkara pokok yang perlu diberi perhatian adalah kanak-kanak pada usia mereka seharusnya diberi hak pendidikan dan mereka perlu dikekang dari terjebak dengan pergaulan bebas. Apabila mereka menjauhi zina dan menghayati pendekatan agama

secara baik, melalui pendidikan kekeluargaan di rumah atau di sekolah, sudah tentu isu seks luar nikah tidak berlaku dan perkahwinan tidak wajar dijadikan sebagai jalan keluar bagi menutup aib zina yang sudah berlaku. Apa yang menyedihkan, ibu bapa tidak mempunyai pilihan yang menenangkan selain keperluan mendesak yang menuntut mereka untuk mengahwinkan anak-anak mereka bagi menjaga kehormatan keluarga dan mengelak dari tohmahan masyarakat.

Sedangkan, ibu bapa yang mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan tumbesaran anak-anak berada dalam jagaan dan pendidikan yang terbaik. Institusi kekeluargaan yang baik berperanan untuk membentuk keperibadian anak-anak yang dapat dibesarkan dengan penerapan nilai-nilai Islam, pendidikan agama secukupnya, memantau tingkah laku anak-anak (Faudzi et al. 2021), dan memelihara mereka daripada tindak-tanduk yang melalaikan, dan menjerumus kepada kancah maksiat

Agamawan seharusnya menggembelng tenaga dan memberi sokongan penuh kepada usaha dan kempen kerajaan untuk membendung perkahwinan kanak-kanak, agar kanak-kanak, khususnya kanak-kanak perempuan tidak ditindas melalui perkahwinan, supaya pemberdayaan wanita dapat diperkasakan. Posisi mereka sebagai pihak yang terlibat dengan undang-undang Syariah, institusi pempfatwaan negeri dan jabatan agama di setiap negeri memberi peluang kepada mereka untuk menentukan polisi yang melindungi kepentingan terbaik kanak-kanak perempuan. Walker (2015) berpandangan bahawa konsultasi pembendungan perkahwinan kanak-kanak perlu diperluaskan dalam kalangan agamawan, dan tidak hanya mengalah dengan sifat konservatif yang khuatir dengan stigma negatif masyarakat.

Walau bagaimanapun, wacana dan advokasi kepada masyarakat mengenai peringatan untuk mengelakkan diri dari terjebak dengan hubungan luar nikah, pergaulan bebas, budaya pornografi diakui mempunyai kesukarannya tersendiri, lebih-lebih lagi dengan akses teknologi yang semakin terbuka pada hari ini. Peringatan ini seharusnya menjadi prioriti agamawan dan pemegang polisi dalam mendidik masyarakat kerana ia adalah tanggungjawab bersama. Agamawan yang bertindak sebagai figura agama perlu mendidik konsep peringatan ini terlebih dahulu sebelum menawarkan alternatif perkahwinan pada usia muda, yang dilihat seolah-olah membenarkan golongan rentan ini sewenang-wenangnya untuk bergelumang dengan budaya tidak sihat ini secara bebas.

Al-Quran turut memuatkan tuntutan menjauhi hubungan terlarang ini melalui firman Allah SWT:

“Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya (zina) itu suatu perbuatan keji, dan jalan yang buruk.” (al-Quran, al-Isra’: 32)

Ayat ini dapat difahami sebagai sebuah perintah Allah SWT untuk menjauhi zina, apatah lagi untuk melakukannya kerana ia merupakan dosa yang perlu dielakkan oleh Muslim. Selain itu, terdapat firman Allah yang juga seiringan dengan suruhan untuk menjauhi perbuatan keji seperti berikut:

“... janganlah kamu mendekati perbuatan keji, sama ada yang terlihat atau yang tersembunyi, ...” (al-Quran, al-An’am: 151)

Alternatif yang wajar bagi melibatkan penyertaan agamawan dalam menanggapi isu ini adalah dengan memperkasakan sesi dialog dan konsultasi antara agamawan dengan agensi terlibat, bermatlamat untuk memberi pencerahan kepada mereka berkenaan realiti perkahwinan kanak-kanak yang lebih memudaratkan kanak-kanak berbanding masalah, sekali gus menawarkan advokasi untuk memperkasakan hak kanak-kanak perempuan dan pemerksaan wanita (Walker 2015) tanpa sebarang bentuk diskriminasi. Agamawan seharusnya lebih peka dengan kebajikan kanak-kanak perempuan dan golongan wanita, dengan melihat dari skop yang lebih luas memandangkan Islam memelihara golongan rentan ini dari terjebak dengan sebarang kemudaratkan (Ibrahim & Abdul Aziz 2012). Justeru, pendidikan agama wajar ditekankan dalam seluruh aspek kehidupan masyarakat bagi mengelakkan pencabulan hak asasi manusia, dan menentang tindakan segelintir masyarakat yang bersetuju dengan perkahwinan dengan kanak-kanak sebagai jalan keluar daripada kesalahan hubungan luar nikah yang dilakukan oleh kanak-kanak dan pasangan.

Komitmen Malaysia terhadap Tuntutan Konvensyen Antarabangsa

Kewajipan Malaysia untuk memenuhi tuntutan konvensyen antarabangsa CRC dan CEDAW amat penting bagi memenuhi aspirasi pemerksaan wanita. Namun, apa yang menyedihkan ialah sesetengah komuniti agamawan melabel usaha memperjuangkan keupayaan wanita dan hak asasi sebagai agenda Barat, dan tindakan tersebut seolah-olah meminggirkan nilai Islam, dalam perbincangan isu perkahwinan kanak-kanak. Walhal, matlamat ini sejajar dengan tuntutan kesejahteraan sejagat, dan yang terutamanya demi memastikan hak kanak-kanak perempuan adalah terjamin. Perspektif ini telah terbina memandangkan banyak agenda yang diperjuangkan sesetengah aktivis yang radikal sehingga dilihat seperti mengeneipkan unsur Islam ketika memperdebatkan isu ini.

Firman Allah SWT tentang anjuran menghormati dan memenuhi tuntutan sebuah perjanjian selagi mana tidak bertentangan dengan aturan Islam dapat dilihat menerusi ayat berikut:

“Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah dan sempurnakanlah perjanjian-perjanjian.” (al-Quran: al-Maidah: 1)

Keperluan memenuhi sesuatu tuntutan atau perjanjian amatlah ditegaskan dalam Islam kerana ia mencerminkan keperibadian sahsiah seseorang. Bahkan, tanggungjawab ini sungguh besar nilainya apabila melibatkan hubungan antarabangsa dan Malaysia mempunyai amanah untuk memastikan ia dipenuhi, sebagai cerminan bahawa Malaysia sependapat dengan matlamat untuk mencapai kemaslahatan bersama melalui agenda pemerkasaan wanita dan kanak-kanak.

Perlu diketahui, majoriti negara Islam di Asia Barat, kecuali Arab Saudi dan Yaman, telah menetapkan had umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun, malah lebih tinggi berasaskan konsep *Maqasid Shariah* dan *Siyasah al-Shar'iyah* (Huda 2017; Wodon 2015). Penetapan perundangan tersebut adalah bukti bahawa ia bukan bertentangan dengan hukum syarak. Partisipasi agamawan untuk meneliti keperluan ini adalah tinggi demi memberi pendidikan kepada masyarakat menerusi lensa agama yang lebih murni. Pendekatan ini berjaya dilakukan oleh kolaborasi Universiti Al-Azhar dan UNICEF Mesir (2016) yang telah menyampaikan latihan kepada lebih 800 ahli agama di negara tersebut tentang isu perkahwinan kanak-kanak berdasarkan fatwa yang dikemukakan oleh ulama mereka. Inisiatif ini menjadi contoh kepada negara Muslim lain untuk menyampaikan kempen kesedaran kepada golongan agamawan, menyedari status mereka sebagai pengaruh dari sudut keagamaan, moraliti dan spiritual serta memberi kesan yang baik kepada struktur kehidupan seharian Muslim. Keperluan melibatkan agamawan dalam latihan ini diakui oleh beberapa penyelidik seperti Raj et al. (2014), Karam (2015), Tomkins et al. (2015) dan Walker (2015) untuk memastikan pemahaman agamawan adalah selari dengan kehendak semasa untuk menjayakan agenda pembendungan perkahwinan kanak-kanak.

Justeru, obligasi Malaysia sebagai Negara Pihak (*State Party*) kepada perjanjian antarabangsa tersebut adalah terpakai untuk merealisasikannya menerusi instrumen undang-undang (Samuri et al. 2022). Bagi menuju objektif tersebut, usaha meningkatkan had umur perkahwinan kepada 18 tahun merupakan satu langkah terbaik dalam menjayakan agenda pembendungan perkahwinan kanak-kanak di Malaysia, sekali gus memelihara kepentingan diri mereka dari ditindas.

Bagi menangani isu ini dengan lebih menyeluruh, Kerajaan Persekutuan telah melancarkan 'Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur' pada tahun 2020 (Samuri 2021). Pelan ini mengandungi program untuk membanteras enam faktor yang dikenal pasti sebagai punca kepada perkahwinan kanak-kanak, sejajar dengan matlamat Dasar Kanak-kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan, Akta Kanak-kanak 2001 dan CRC (KPWKM 2020). Kerajaan Persekutuan mensasarkan usaha untuk memastikan punca yang membawa kepada perkahwinan kanak-kanak ditangani secara holistik

melalui pemeraksanaan pendidikan dan penyampaian advokasi kepada masyarakat setempat.

Memandangkan hal ehwal Islam tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri menurut Perlembagaan Persekutuan termasuklah undang-undang perkahwinan, justeru Kerajaan Persekutuan memerlukan sokongan total daripada agamawan di institusi Islam negeri-negeri bagi menjayakan agenda pembaharuan undang-undang tersebut. Usaha untuk menjalinkan hubungan bersama agamawan perlu diperkasakan demi membetulkan perspektif mereka dalam memahami realiti isu perkahwinan kanak-kanak pada hari ini, yang jauh berbeza dengan konteks masa lampau, lebih-lebih lagi tidak mencapai tujuan yang sama, yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan sahabat. Kanak-kanak perempuan dan wanita tidak lagi dipandang sebagai objek, malah Islam mengangkat martabatnya untuk dihargai. Perlu juga diakui, perkahwinan Rasulullah SAW dan sahabat RA tersebut bukan untuk kepentingan diri sendiri, bahkan perkahwinan mereka ketika itu bermatlamat untuk menjaga kemaslahatan kanak-kanak. Realitinya, tiada bukti sejarah yang melaporkan kanak-kanak yang berkahwin dengan mereka pada waktu tersebut mengalami mudarat dan dieksploitasi. Justeru, perlu difahami konteks sunnah Rasulullah SAW yang manakah perlu diikuti masyarakat pada hari ini yang bersesuaian dengan konteks masalah umat Islam, dan bukan sekadar melaksanakan sesuatu perkara dengan pemahaman literal semata-mata.

Pelaksanaan agama dalam kehidupan Muslim tidak boleh bersifat secara selektif sahaja dalam situasi tertentu, namun agama Islam bertindak untuk berinteraksi dengan situasi masyarakat setempat dan mengubah hukum asal sesuatu yang membenarkan kepada sesuatu penentuan hukum baharu berdasarkan konteks semasa (*waqi'*), demi kemaslahatan penganutnya. Justeru, komitmen Malaysia untuk menangani isu perkahwinan kanak-kanak menerusi pembaharuan undang-undang adalah objektif yang tepat dan menepati pendekatan Islam yang sentiasa mengutamakan prinsip penjagaan diri Muslim daripada unsur eksploitasi dan diskriminasi, terutamanya golongan wanita dan kanak-kanak perempuan.

PENUTUP

Perkahwinan kanak-kanak pada hari ini mengundang pelbagai impak negatif dan lebih mendominasi diri kanak-kanak perempuan berbanding nilai masalah. Kajian antarabangsa wajar diberi perhatian dalam advokasi kepada masyarakat terutamanya golongan agamawan untuk memahami konteks perkahwinan kanak-kanak pada masa kini berdasarkan bukti yang kukuh, yang sememangnya melanggar tujuan (*maqasid*) perkahwinan yang digariskan Islam. Prinsip penjagaan diri dan maruah wajar diberi keutamaan dalam pemeliharaan diri kanak-kanak dan bukannya menjadikan perkahwinan sebagai jalan keluar bagi mengatasi masalah sosial dalam kalangan

remaja. Perspektif sesetengah masyarakat yang merasakan perkahwinan zaman lampau menjadi amalan tradisional dalam sesebuah masyarakat, perlu diubah dan melihat kepada kemaslahatan kanak-kanak yang wajar mendapatkan hak-hak utama semasa mereka membesar, bagi menjayakan pemberdayaan dan pemerkasaan hak wanita pada tahap yang adil. Al-Quran sedari awal penurunannya dan saranan hadith Rasulullah SAW telah menonjolkan nilai-nilai murni yang perlu didokong oleh penganutnya untuk sentiasa memelihara diri dari terjebak dengan kemudaratan, dan berikrar untuk mengelakkan diri dari kancas maksiat. Kesimpulannya, kesejahteraan dan kebajikan hak kanak-kanak merupakan keutamaan yang perlu dilindungi oleh pemegang taruh dan pemerintah, selari dengan kerangka *Siyasah al-Shar'iyah*.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pemiaya Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui dana projek penyelidikan FRGS/1/2019/SSII0/UKM/02/4.

RUJUKAN

- Al-'Abbad, M. (2009). *La tahdid fi Islam li bad'ie sinn al-zawaj wa la li intihai*. <https://al-abbaad.com/articles/15-1430-09-03>
- 'Ali Jumu'ah. (2016). *Zawaj al-qasirat haram syar'an wa jarimah yu'aqabu 'alaiha al-syar'u wa al-qanun*. <https://www.youtube.com/watch?v=XI9lekYneKY>
- 'Allam, Shauqi. (2019). *Musyir al-Fatwa al-'Alamiy al-Zawaj al-Qasirat: Fatawa al-Tanzimat al-Irhabiyyah tahsur zawaj al-Qasirat al-'Ilaqat al-Jinsiyyah faqat*. <https://www.dar-alifta.org/ar/Viewstatement.aspx?sec=media&ID=6409>
- Ahmed, T. (2015). Child marriage: A Discussion paper. *Bangladesh Journal of Bioethics*, 6(2), 8-14.
- Allen, A. A. & Adekola, P. O. (2017). Health implication of child marriage in North-East Nigeria. *Analele Universitatii din Oradea, Seria Geografie*, 54-61.
- Akta Kanak-kanak 2001.
- Berita Harian. (2018a). 18 tahun baru boleh kahwin. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/09/470274/18-tahun-baru-boleh-kahwin>
- Berita Harian. (2018b). *Harussani tak setuju usia 18 tahun baru boleh kahwin*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/09/476458/harussani-tak-setuju-usia-18-tahun-baru-boleh-kahwin>
- Ame, K. R. (2013). Overcoming the curse of early marriage in Bangladesh. *Asian Journal of Women's Studies*, 19(4), 150-163.

- AlJazeera.Net. (2019). *Marsum riasi bi raf'i sinn al-Zawaj yuthir jadala fi Falestin*. <https://www.aljazeera.net/news/women/2019/11/12/%D9%81%D9%84%D8%B3%D8%B7%D9%8A%D9%86-%D9%85%D8%B1%D8%B3%D9%88%D9%85-%D8%B1%D8%A6%D8%A7%D8%B3%D9%8A-%D8%A8%D8%B1%D9%81%D8%B9-%D8%B3%D9%86-%D8%A7%D9%84%D8%B2%D9%88%D8%A7%D8%AC>
- Anozie, M. C., Ele, M. & Anika, E. I. (2018). The legal, medical and social implications of child marriage in Nigeria. *International Journal of Law, Policy and The Family*, 32, 119-139.
- Asli, M. R. & Byouki, M. A. (2016). Forced marriage in Islamic countries: The role of violence in family relationships in *Kury, H. et al (eds.), Women and children as victims and offenders: Background, prevention, reintegration*. Switzerland: Springer International Publishing.
- Avalos, L., Farrell, N., Stellato, R. & Werner, M. (2015). Ending female genital mutilation & child marriage in Tanzania. *Fordham International Law Journal*, 38, 639-699.
- Al-Azhar University & UNICEF. (2016). *Peace. Love. Tolerance: Key messages from Islam and Christianity on protecting children from violence and harmful practices*. Egypt: al-Azhar University and UNICEF.
- Bahgam, S. & Mukhatari, W. (2004). Study on child marriage in Afghanistan. *Medica Mondiale*.
- Al-Bukhari. M. I. (2002). *Sahih al-Bukhari*. Damascus: Dar Ibn Kathir.
- Faudzi, N. M., Sumari, M., Mohamad Nor, A. & Abd Rahman, N. (2021). The mother role in mother-child relationship among adolescents with unwanted pregnancies. *Al-'Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 25(2), 1-20.
- Gemignani, R. & Wodon, Q. (2015). Child marriage and faith affiliation in Sub-Saharan Africa: Stylized facts and heterogeneity. *The Review of Faith & International Affairs*, 13(3), 41-47.
- Grijns, M. & Horii, H. (2018). Child Marriage in a Village in West Java (Indonesia): Compromises between legal obligations and religious concerns. *Asian Journal of Law and Society*, 5(2), 1-14.
- Harian Metro. (2018). *Mufti berbeza pandangan*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/09/379588/mufti-berbeza-pandangan>
- Huda, T. (2017). Minor marriages in Islam and Bangladesh: Harmonising God's law with state law in the quest for reform. *SOAS Law Journal*, 4(2), 59-72.

- Ibrahim, I., Hussain, F. & Abdul Aziz, N. (2012). The child bride: Rights under the civil and Shariah law. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 38(2012), 51-58.
- Ibn Abi Syaybah, A. M. (1988). *Al-Kitab al-musannaf fi al-ahadith wa al-athar*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Ibn al-Qayyim, M. A. B. (1995). *Al-Turuq al-hukmiyyah fi al-siyasah al-Shar'iyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyya.
- Ibn Majah, M. Y. (1987). *Sunan Ibn Majah*. Saudi Arabia: Maktab al-Tarbiyah al-'Arabiyy li al-Duwal al-Khalij.
- Al-Imam Ibn Baz. (t.th). Hukm al-zawaj al-Mubkir wa bayan al-sinn al-munasab li al-zawaj. <https://binbaz.org.sa/fatwas/14257>
- Al-Ittihad. (2011). Fatwa Sa'udiyah: La tamna' zawaj al-qasirat. <https://www.alittihad.ae/article/66207/2011>
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). (2018). Statistik perkahwinan bawah umur kanak-kanak Muslim.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2014). *Isu perkahwinan kanak-kanak: Kajian dari aspek agama, kesihatan dan psikologi*. E-sumber Maklumat Fatwa.
- Karam, A. (2015). Faith-inspired initiatives to tackle the social determinants of child marriage. *The Review of Faith & International Affairs*, 13(3), 59-68.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2020). Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur.
- Kohno, A., Dahlui, M., Nik Farid, N. D., Ali, S. H. & Nakayama, T. (2019). In-depth examination of issues surrounding the reasons for child marriage in Kelantan, Malaysia: A Qualitative Study. *BMJ Open*, 1-10.
- Mohd Awal, N. A & Samuri, M. A. A. (2017). *Final report: A study of child marriage in Malaysia*. Putrajaya: UNICEF Malaysia.
- Muslim, H. N. (2006). *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar al-Tayyiba.
- Nasrullah, M. (2015). *Child marriage and its impact on maternal and child health in Pakistan*. Ph.D Dissertation at the School of Public Health, University of Bielefeld, Germany.
- Naveed, S. & Butt, K. M. (2015). Causes and consequences of child marriages in South Asia: Pakistan's perspective. *A Research Journal of South Asian Studies*, 30(2), 161-175.
- Nguyen, M. C. & Wodon, Q. (2015). Global and regional trends in child marriage. *The Review of Faith & International Affairs*, 13(3), 6-11.
- Nour, N. M. (2006). Health consequences of child marriage in Africa. *Perspective: Emerging Infectious Diseases*, 12(11), 1644-1649.

- Parsons, J., Edmeades, J., Kes, A., Petroni, S., Sexton, M. & Wodon, Q. (2015). Economic impacts of child marriage: A review of the literature. *The Review of Faith & International Affairs*, 13(3), 12-22.
- Petroni, S., Steinhaus, M., Fenn, N. S., Stobenau, K. & Gregowski, A. (2017). New Findings on Child Marriage in Sub-Saharan Africa. *Annals of Global Health*, 83(5-6):781-790.
- Al-Qudah, Nuh Ali Salman. (2012). *Ma hukm 'aqd al-zawaj qabla al-bulugh*. <https://alifitaa.jo/Question.aspx?QuestionId=2415#.YV-XoBBBzs3>
- Raj, A. (2010). When the mother is a child: The impact of child marriage on the health and human rights of girls. *Arch Dis Child*, 95(11),931-935.
- Raj, A., Gomez, C. S. & Silverman, J. G. (2014). Multisectorial Afghan perspectives on girl child marriage: Foundations for change do exist in Afghanistan. *Violence against Women*, 20(12), 1489-1505.
- Sahid, M. M., Gunardi, S. & Zahalan, N. M. H. (2020) Konsep *uruf* dan *masalah* sebagai sumber rujukan: Status wanita terhadap harta sepencarian dalam perundangan Islam di Malaysia, *Al-'Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 23(2), 139-156.
- Samuri, M. A. A. (2021). *Pembendungan perkahwinan kanak-kanak*. Bangi: UKM Press.
- Samuri, M. A. A., Mohd Awal, N. A. & Abu Bakar, M. A. (2022). Curbing child marriage amongst Muslims in Malaysia: Towards legal reform. *UUM Journal of Legal Studies*, 13(1), 1-20.
- Tomkins, A. et al. (2015). controversies in faith and health care. *Elsevier: The Lancet*, 386(10005), 1776-1785.
- UNICEF. (2021). *Child marriage*. <https://www.unicef.org/protection/child-marriage>
- UNICEF Data. (2021). *Child marriage*. <https://data.unicef.org/topic/child-protection/child-marriage/>
- UNICEF Malaysia. (2020). *Advocacy brief: Towards ending child marriage in Malaysia*. Putrajaya: UNICEF Malaysia.
- Walker, J. A. (2015). Engaging Islamic opinion leaders on child marriage: Preliminary results from pilot projects in Nigeria. *The Review of Faith & International Affairs*, 13(3), 48-58.
- Wodon, Q. (2015). Islamic law, women's rights and state law: The cases of female genital cutting and child marriage. *The Review of Faith & International Affairs*, 13(3), 81-91.
- Yuksel-Kaptanoglu, Ilknur & Banu Akadli Ergocmen. (2014). Early marriage in Turkey, 1978-2008. *Journal of Family Issues*, 35(12), 1707-24.